

22 JUL 1999

Mahathir-Maaf

KUL LI DAN DR MAHATHIR SALING BERMAAFAN

KOTA BAHARU, 22 Julai (Bernama) -- Perjumpaan Perdana Menteri dengan para pemimpin Umno dan Barisan Nasional Kelantan hari ini menjadi acara bersejarah apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Tengku Razaleigh Hamzah saling meminta maaf secara terbuka berhubung pertikaian politik secara peribadi anantara mereka pada 1987 hingga menyebabkan perpecahan di kalangan anggota Umno.

Kata-kata maaf yang dilahirkan secara spontan semasa mereka menyampaikan ucapan masing-masing dalam dewan utama sebuah hotel terkemuka di sini menyebabkan anggota Umno daripada pelbagai peringkat termasuk Menteri Besar dan Ketua Menteri dari beberapa negeri lain memberikan tepukan gemuruh.

Peristiwa sempena lawatan rasmi dua hari Perdana Menteri ke Kelantan itu bermula apabila Tengku Razaleigh selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan tanpa diduga menyentuh mengenai sejarah pertikaian politiknya dengan Dr Mahathir hingga menyebabkan beliau menubuhkan parti serpihan Umno -- Parti Melayu Semangat 46 (S46).

"Dengan penuh ikhlas saya ingin mengambil kesempatan di hadapan semua, ingin memohon maaf kepada beliau (Dr Mahathir) di atas segala salah silap saya di masa lampau.

"Dengan izin Doc (Dr), from Ku Li and sincerely, for things I have done wrong and offended you. I hope you'll accept my apology, (daripada Ku Li dan dengan tulus ikhlas, atas apa-apa kesilapan saya yang telah menyinggung Datuk Seri, saya harap Datuk Seri sedia terima permohonan maaf dari saya)," katanya sambil memandang Dr Mahathir yang duduk di belakangnya.

Tengku Razaleigh turut memohon maaf kepada ahli-ahli Umno sambil meminta sejarah itu dijadikan teladan dan pengajaran kepada seluruh anggota parti bagi menghadapi cabaran yang lebih besar.

"Saya dengan rendah diri merayu kepada penyokong (Umno), marilah kita sama-sama buang yang keruh dan kita rendahkan diri kita demi masa depan anak cucu kita.

"Buangkan perasaan dendam, iri hati kita dan marilah kita eratkan silaturahmi dan berganding bahu untuk menjadikan Umno kuat dan mampu mengangkat martabat bangsa dan negara," katanya.

Menurutnya, beliau dan Dr Mahathir sebenarnya mempunyai matlamat yang sama, iaitu berusaha melalui politik bagi memakmurkan rakyat.

Sambil berseloroh, beliau berkata kedua-dua mereka dilahirkan dalam "tahun lembu" mengikut kalendar Cina dan "kata mereka orang yang lahir pada tahun lembu kuat kerja, membanting tulang tak kira masa untuk kesenangan orang lain, tetapi sekali-sekala berlaga juga."

Dr Mahathir yang berucap selepas itu turut memohon maaf kepada Tengku Razaleigh sekiranya bekas Presiden S46 itu turut ada menyimpan perasaan marah kepadanya.

Menurutnya di dalam politik semua perkara boleh berubah kecuali satu -- matlamat untuk memastikan rakyat dan negara terus harmoni dan maju sambil kemerdekaan negara terjamin.

Perdana Menteri berkata 1987 adalah tahun malang bagi Umno dan orang Melayu apabila parti itu diputuskan tidak sah oleh mahkamah hingga beliau sendiri merasa amat marah terhadap Tengku Razaleigh yang dianggapnya bertanggungjawab terhadap kejadian itu.

"Pada masa itu saya janji dalam hati sendiri tidak akan bertegur dan berkawan lagi dengan Tengku Razaleigh... begitu juga dengan Tengku

Razaleigh yang menyimpan perasaan sama terhadap saya... tetapi kita akhirnya mengetepikan perasaaan ini," katanya.

Menurutnya perasaan marah itu sebenarnya telah melencongkan matlamat asal perjuangan dan setelah menyedarinya mereka bersetuju untuk "melupakan perasaan marah" bagi mencapai matlamat memperjuangkan rakyat dan negara ini.

"Inilah sifat yang menentukan kemenangan bagi kita," katanya sambil mendapat tepukan gemuruh daripada hadirin.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Ketua Menteri Melaka Datuk Abu Zahar Isnin, Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan dua menteri dari Kelantan -- Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa, Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed.

-- BERNAMA

RAR NMO